



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

Operasi bersepadu JPES dan SDT di Daerah Temburong bagi penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151

1. Dalam usaha bagi memastikan kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan operasi bersepadu ke atas premis-premis perniagaan di Daerah Temburong baru-baru ini.
2. Operasi berkenaan melibatkan empat (4) buah premis perniagaan di kawasan Bangar, Sungai Tanit dan Kampong Amo dengan hasil pemeriksaan mendapati kesemua premis-premis perniagaan yang diperiksa telah mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di mana barang yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula, tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, dan barang yang dijual di dalam premis perniagaan telah dibubuh tanda harga dengan jelas dan betul.
3. Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak sembilan (9) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan aktiviti jual beli. Satu (1) unit daripadanya didapati melanggar Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan, 1994 iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang telah mansuh tempoh kebenaran pendaftaran yang diberikan. Pihak syarikat telah dikeluarkan Notis Penyitaan dan dikehendaki hadir ke pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan untuk memperbetulkan isu tersebut. Alat berkenaan telah disita.
4. JPES dan Unit SDT mengingatkan para peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara beretika dan wajar dengan sentiasa memastikan barang yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan barang yang dijual dipamerkan tanda harga yang jelas serta tidak mengelirukan pengguna. Para peniaga juga diingatkan untuk memastikan alat sukatan dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli yang melibatkan antaralainnya tanda berat dan isipadu, adalah berdaftar dengan Unit SDT dengan tempoh pendaftaran yang masih sah.

5. Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut:

- i. Akta Kawalan Harga, Penggal 142 : Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123, aplikasi PenggunaBijak dan emel aduanpengguna@jpес.gov.bn; dan
- ii. Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 : Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui emel sdt@mofe.gov.bn.

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Emel: dca@jpес.gov.bn

Rujukan : (24) JPES/CAD/AKTA/Pt.12

Tarikh : 17 Rabiulawal 1446 / 21 September 2024



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**Joint operation between DEPS and SDT in Temburong district enforces
Price Control Act, Chapter 142 dan Weights and Measures Act 1983 Chapter 151**

1. To ensure business compliance with the Price Control Act, Chapter 142 and the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151, the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs together with the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division under the Ministry of Finance and Economy has conducted a joint operation at business premises in Temburong district recently.
2. The operation involved inspections of four (4) business premises at Bangar, Sungai Tanit and Kampong Amo. All premises inspected were found to be in compliance with the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations where price-controlled items such as cooking oil and formulated powdered milk were sold within the set maximum price and prices were clearly and accurately displayed on items offered for sale in the business premises.
3. Meanwhile, SDT officers found nine (9) units of weighing and measuring machines used for trading purposes. One (1) of the units was found to be in violation of the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 and its stipulated guidelines, i.e., using unregistered weights and measures. The company was issued a Seizure Notice and was required to rectify the issue and present themselves to SDT Unit's Office within seven (7) working days from the date the notice was issued. The machine has been confiscated.
4. DEPS dan SDT remind businesses to conduct their business activity in a fair and ethical manner by ensuring price-controlled items are not sell above its maximum prices as well as ensuring that items in business premises are displayed with clear and accurate price tags and therefore not misleading consumers. Additionally, businesses are reminded to ensure their weight and measure tools and equipments used for trading purpose that involve labels such as weight and volume, are registered with SDT and still valid for use.

5. Any inquiries on the related issues can be reported to the following official channels:

- i. Price Control Act, Chapter 142 : Department of Consumer Affairs, DEPS through Talian Darussalam 123, PenggunaBijak app and email consumercomplaint@jpes.gov.bn; and
- ii. Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 : SDT, Industry and Business Ecosystem Division through email sdt@mofe.gov.bn.

#####

Prepared by:

Department of Economic Planning and Statistics

Ministry of Finance and Economy

Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (24) JPES/CAD/AKTA/Pt.12

Date : 17 Rabiulawal 1446 / 21 September 2024